SKM
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

# SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

---

## ARAHAN SKM BILANGAN 1 TAHUN 2011

---

## PEMBAYARAN DIVIDEN ATAS SYER DAN YURAN ANGGOTA

PADA menjalankan kuasa-kuasa Suruhanjaya di bawah seksyen 57(5)(b) Akta Koperasi 1993 yang diwakilkan kepada saya di bawah seksyen 24(1) Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007, saya, **DATUK HAJI MD. YUSOF BIN HAJI SAMSUDIN, Pengerusi Eksekutif**, Suruhanjaya Koperasi Malaysia dengan ini menentukan bahawa

a) kadar dividen yang dibayar atas syer atau yuran anggota oleh **koperasi selain daripada perenggan (b) di bawah** hendaklah tidak melebihi sepuluh peratus setahun daripada syer atau yuran kecuali dengan kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Suruhanjaya.

b) apa-apa kadar dividen yang dibayar atas syer atau yuran anggota oleh **koperasi yang diiktiraf sebagai 'co-opbank'** adalah tertakluk kepada kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Suruhanjaya.

2. Arahan ini berkuatkuasa dari tarikh ia ditandatangani.

**(DATUK HAJI MD. YUSOF BIN HAJI SAMSUDIN)**
Pengerusi Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Tarikh : 7-1-2011